



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 2/2009**

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

**PENYERAGAMAN KADAR REBAT BAGI PERMOHONAN
PENGURANGAN DENDA LEWAT CUKAI TANAH**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik berhubung penyeragaman kadar rebat bagi permohonan pengurangan denda lewat cukai tanah.

2. **LATAR BELAKANG**

2.1 Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 13(1) Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri telah mewakili kuasa kepada Pentadbir Tanah seperti berikut:-

Subseksyen 94(4) Kanun Tanah Negara 1965

- a) Meluluskan atau menolak permohonan meremitkan atau memberikan rebat bayaran denda lewat cukai tanah tidak melebihi 50%; dan
- b) Meluluskan atau menolak permohonan meremitkan atau memberikan rebat cukai tanah yang tidak melebihi 4 hektar yang ditanam semula yang diluluskan oleh Jabtan Pertanian Negeri, Felcra atau Risda tidak melebihi 50%.

2.2 Perwakilan kuasa tersebut telah diwartakan melalui W.K.N.S No. 314 (Tambahan No. 1) dan berkuatkuasa mulai 17 Ogos 2006.

3. **PELAKSANAAN**

3.1 Pentadbir Tanah Daerah telah menerima permohonan pengurangan denda lewat cukai tanah daripada individu dan syarikat di daerah masing-masing. Selaras dengan perwakilan kuasa di atas, Pentadbir Tanah Daerah telah meluluskan permohonan tersebut dengan memberi pengurangan pada kadar yang pelbagai, daripada 10%, 20% sehinggalah maksimum 50%.

- 3.2 Kadar kelulusan rebat yang berbeza di antara daerah ini telah menimbulkan pelbagai persepsi kepada Pentadbir Tanah Daerah. Antara yang diutarakan termasuklah perspesi bahawa Pentadbir Tanah Daerah mempunyai sesuatu kepentingan di atas sesuatu hakmilik tanah yang diberikan rebat yang tinggi sehingga mencapai 50%, walaupun kadar tersebut sebenarnya masih lagi mematuhi peruntukan undang-undang sepertimana yang termaktub dalam Perwakilan Kuasa yang telah diwartakan.
- 3.3 Oleh yang demikian, bagi mengelakkan timbulnya tohmahan dari mana-mana pihak, Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk meluluskan permohonan pengurangan bayaran denda lewat cukai tanah dengan memberi rebat pada kadar seragam seluruh Negeri Sembilan, iaitu pada kadar 50%. Arahan penyeragaman kadar rebat 50% ini adalah terpakai bagi semua permohonan pengurangan denda lewat yang diterima di kesemua Pentadbiran Tanah Daerah.

4. **TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : Februari 2009

Rujukan : ()dlm. PTG.NS 10/1

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)